

# **SEKATARAKYAT**

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYATB ERHAD**

## SEKATARAKYAT

### IBU PEJABAT

#### KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

Bil Pendaftaran : 4958

Tarikh Pendaftaran : 23 September 1974

Tingkat 2A, Menara 2

Menara Kembar Bank Rakyat

No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral

50470 Kuala Lumpur

No. Telefon : 03-2273314 / 3315 / 3609

No. Faksimili : 03-22741314

### PREMIS PERNIAGAAN LAIN

#### KAFETERIA & KEDAI SERBANEKA SEKATARAKYAT

Tingkat Bawah,

Bangunan Bank Rakyat, Jalan Tangsi

50460 Kuala Lumpur.

#### MEDAN SELERA & KEDAI SERBANEKA SEKATARAKYAT

Tingkat 5, Menara 1,

Menara Kembar Bank Rakyat,

No. 33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur.

#### TASKA NURI

Tingkat 2A, Menara 2,

Menara Kembar Bank Rakyat,

No. 33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur

Tel : 03-2276 0951

#### SEKATA APARTMENT

The Camelia Orchid Deluxe Park,

Jalan ODP 2, Orchid Deluxe Park, Ringlet,

39200, Cameron Highlands, Pahang

Tel : 05- 495 6119

**KEDAI ARRAHNU X'CHANGE****AR RAHNU X'CHANGE PETALING JAYA**

No.23, Jalan Othman,  
46000 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel :03-77814878 Faks : 03-77815878

**AR RAHNU X'CHANGE SG BESI**

28-G Jalan Tasik Utama 5,  
Medan Niaga Tasik Damai,  
Sungai Besi,57000 Kuala Lumpur.  
Tel : 03-90548760 Faks : 03-90548745

**AR RAHNU X'CHANGE TAMAN SELASEH**

No. 15, Jalan PPS 1,  
Pusat Perdagangan Selaseh,  
68100 Batu Caves, Selangor.  
Tel : 03-61785586 Faks : 03-61785686

**AR-RAHNU X'CHANGE HULU LANGAT**

No. 40 Jalan Seri Mas,  
Taman Seri Mas,  
43100 Hulu Langat, Selangor  
Tel : 03-90215986 Faks: 03-90214986

**AR-RAHNU X'CHANGE BANDAR KINRARA**

ZP-G-17, Zest Point  
Lebuhraya Bukit Jalil, BK9 Bandar Kinrara,  
47180 Puchong, Selangor  
Tel : 03-80801586 Faks: 03-80806586

**AR-RAHNU X'CHANGE SEREMBAN 2**

No. 27G, S2 B17  
Biz Avenue, Seremban 2  
70300 Seremban, Negeri Sembilan  
Tel : 06-601 5986 Faks : 06-601 1286

**AR-RAHNU X'CHANGE KOTA KEMUNING**

No. 32, Jalan Anggerik R 31/R  
Kota Kemuning, 40460 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5525 0586 Faks : 03-5525 5386

**AR-RAHNU X'CHANGE DENGKIL**

Tingkat Bawah, No.18, Jalan Bintang Mas  
Taman Bintang Mas, 43800 Dengkil  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-87601000 Faks : 03-87601100

**AR-RAHNU X'CHANGE PORT KLANG**

No. 5215, Tingkat Bawah & Mezzanine  
Persiaran Raja Muda Musa  
42000 Port Klang Selangor Darul Ehsan  
Tel & Faks : 03-38842733

**AR-RAHNU X'CHANGE AMPANG TRIANGLE**

No. 21G, Wisma Ampang Triangle 2  
Jalan Memanda 7/1, Off Jalan Ampang  
68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-42655726 Faks: 03-42665726

**AR-RAHNU X'CHANGE PASAR BORONG**

129-151, Jalan 2/3A  
Pusat Bandar Utara Selayang  
68100 Batu Caves, Kuala Lumpur  
Tel: 03-61281404 Faks: 03-61281484

## ISI KANDUNGAN

2

Perutusan Pengerusi Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

3

Perutusan Pengerusi  
Bank Rakyat Berhad

4

Perutusan Pengerusi  
Koperasi Kakitangan  
Bank Rakyat Berhad

6

Carta Organisasi  
Koperasi Kakitangan  
Bank Rakyat Berhad

- Ahli Lembaga Pengarah
- Jawatankuasa Audit Dalaman
- Jawatankuasa Syariah
- Pengurusan dan Warga Kerja

17

Projek Yang Dijalankan Bagi Tahun 2020

21

Kalender Aktiviti/Majlis Sepanjang Tahun 2020

30

Laporan Lembaga Pengarah Bagi Tahun 2020

- Selayang Pandang
- Prestasi Kewangan Sekatarakyat
- Manfaat kepada Anggota
- Keanggotaan
- Aset
- Aktiviti Perniagaan Sekatarakyat
- Kerjasama Antara Koperasi
- Kebajikan Anggota
- Sumber Manusia Latihan
- /Kursus/Seminar/Program Warga Kerja
- Perancangan Masa Hadapan

2020

MESYUARAT AGUNG  
PERWAKILAN KE-25

SEKATARAKYAT

IA SEH ATARAKYAT

BANK RAKYAT  
بنك ديمقراطي

BANK RAKYAT  
بنك ديمقراطي

MORATORIUM DAN RENTNA  
Masa tempoh moratorium dan rentna ini adalah selama 12 bulan sejak tarikh 1 Januari 2020.  
Seluruhnya anda memerlukan bantuan untuk membayar pinjaman.  
• T. 1300-88-1300  
• Pusat Pengeluaran 1300-88-1300  
• Laman web: [www.bankedamai.com](http://www.bankedamai.com)

# Perutusan **PENGERUSI EKSEKUTIF** SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh / Salam Berkoperasi.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat) telah mencapai usia yang ke-47 tahun. Saya yakin dan percaya bahawa kemajuan dan kejayaan koperasi adalah hasil daripada kerjasama erat antara barisan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Syariah, barisan Pengurusan serta anggota-anggota koperasi. Koperasi juga telah menggunakan peluang yang ada untuk memperbaiki segala kelemahan di samping berusaha membawa kejayaan yang diharapkan.

Sektor koperasi mempunyai eko-sistemnya tersendiri yang unik akan terus memberikan sumbangan yang signifikan terutamanya dalam membantu Kerajaan dalam menangani kos sara hidup rakyat. Hal ini adalah sinonim dengan matlamat sesebuah koperasi iaitu menggembangkan sumber dan modal untuk menjalankan kegiatan yang boleh meningkatkan taraf sosio-ekonomi anggotanya.

Berhadapan dengan pertumbuhan ekonomi yang mencabar susulan penularan pandemik Covid-19, saya yakin potensi sektor koperasi tidak harus diabaikan dan terus relevan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sebagai badan yang mengawalselia sektor koperasi sentiasa membantu dan memberi sokongan kepada koperasi-koperasi di negara ini, antaranya "Bantuan Kecemasan Covid-19" yang disalurkan kepada Sektarakyat bagi membantu menggerakkan semula aktiviti perniagaan Sekata Apartment yang turut terjejas akibat penularan wabak ini. SKM berharap dengan bantuan ini sedikit sebanyak mampu merancakkan kembali perkhidmatan penginapan di Sekata Apartment.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Sektarakyat yang telah berjaya menduduki di kedudukan ke-6 dalam Indeks 100 Profil Terbaik 2020 dan syabas kerana telah berjaya melaksanakan Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali Ke-25 pada tahun ini.

Akhir kata, saya berharap Sektarakyat akan terus memberikan impak yang berkesan kepada semua anggotanya kerana anggota koperasi adalah asas kekuatan sesebuah koperasi. Sekali lagi, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Sektarakyat dan adalah diharapkan semoga koperasi ini akan terus berjaya dan disegani di masa akan datang.

Selamat Maju Jaya.

Sekian, terima kasih.



**DATUK NORDIN SALLEH**  
PENGERUSI EKSEKUTIF  
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

# Perutusan **PENGERUSI**

## BANK RAKYAT BERHAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh / Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya dapat saya memberikan coretan buat kali kedua dalam ruangan ini sempena Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali Ke-25 Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat).

Saban tahun saya dapat, Sekatarakyat telah berjaya menunjukkan prestasi yang cemerlang. Ia dapat dibuktikan apabila Suruhajaya Koperasi Malaysia (SKM) menyenaraikan Sekatarakyat pada kedudukan ke-6 dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia. Ini menggambarkan kekuahan pentadbiran yang ditunjukkan oleh barisan Lembaga Pengarah dan Pengurusan Sekatarakyat yang saling bekerjasama dan berganding bahu dengan memberikan komitmen yang tinggi dalam menerajui koperasi ini. Namun begitu, sokongan serta kerjasama yang jitu oleh semua anggota, perlu dihargai bagi memastikan kejayaan ini akan terus dinikmati secara berterusan.

Menerusi perancangan yang strategik dan dinamik, saya yakin Sekatarakyat akan dapat menceburi bidang perniagaan yang berdaya saing dan menguntungkan dengan sokongan pentadbiran yang efektif dan efisien. Elemen ini penting agar kepercayaan anggota terhadap Sekatarakyat terus ditingkatkan.

Suasana yang kian mencabar akibat penularan wabak Covid-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan mulai 18 Mac 2020 yang lalu, pulangan yang tinggi bukannya penanda aras tanda kejayaan Sekatarakyat, tetapi kekuuhan kewangan Koperasi dititikberatkan agar Sekatarakyat terus mengembangkan sayap perniagaannya dengan lebih berjaya di masa hadapan.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan Sekatarakyat atas komitmen tinggi yang ditunjukkan dalam menggalas tanggungjawab dan amanah anggota serta terus kekal cemerlang, In Shaa Allah.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

DATUK HAJI ABD RANI LEBAI JAAFAR  
PENGERUSI, BANK RAKYAT



# Perutusan **PENGERUSI**

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD



**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh / Salam Sejahtera,**

Segala Puji bagi Allah S.W.T dan Salam Atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.

Terlebih dahulu, saya mengalu-alukan kedatangan semua Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat) Kali Ke-25. Kedatangan semua perwakilan melalui kaedah Hybrid (fizikal & maya) dari seluruh negara menunjukkan sikap tanggungjawab perwakilan atas amanah yang telah diterima daripada anggota-anggota kawasan masing-masing.

Marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran atas limpah kurnia Allah S.W.T bagi kejayaan yang telah dikecapi oleh Sekatarakyat di sepanjang tahun 2020 dan yang sebelumnya.

Seperti yang sedia maklum, tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar bagi Sekatarakyat untuk mengekalkan prestasi selepas negara dilanda pandemik Covid-19. Penularan wabak ini sedikit sebanyak memberikan impak kepada pendapatan aktiviti perniagaan Sekatarakyat. Sebagai langkah membendung penularan wabak ini, Sekatarakyat telah mengambil langkah jimat-cermat untuk mengekalkan operasi bagi melindungi kesejahteraan pada masa depan.

Saya mengucapkan tahniah kepada barisan Lembaga Pengarah, Anggota-Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman, Anggota-Anggota Jawatankuasa Syariah, Para Perwakilan dan tidak lupa juga kepada Pengurusan Sekatarakyat atas sumbangan cemerlang yang diberikan sepanjang tahun 2020.

Bagi memelihara kepentingan dan kebajikan semua Anggota, Sekatarakyat akan terus berusaha mempertingkatkan kemudahan dan perkhidmatan ke tahap yang lebih cemerlang di masa hadapan selaras dengan matlamat Sekatarakyat iaitu "meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya mengikut prinsip koperasi".

Justeru, saya bertekad dan menyeru semua warga Sekatarakyat untuk terus menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan amanah dan berintegriti dengan meletakkan kepentingan anggota-anggota melebihi kepentingan peribadi.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat bermesyuarat kepada semua perwakilan. Saya berdoa semoga mesyuarat ini berjalan dengan penuh tertib dan teratur serta mendapat barakah dari Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Mohamed Arsad Sehan".

**DATUK MOHAMED ARSAD SEHAN**

Pengerus Koperasi Kakitangan  
Bank Rakyat Berhad

**CARTA ORGANISASI  
KOPERASI  
KAKITANGAN  
BANK RAKYAT BERHAD**

# CARTA ORGANISASI KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

## AHLI LEMBAGA PENGARAH



Datuk Mohamed Arsal Sehan  
Pengurus



Hasrul Liza Shah Rudin  
Setiausaha Kehormat



Mohd Salleh Mahmood  
Bendahari Kehormat



Dato' Shaharudin Mohd Sa'ad



Abdul Lidzam Muhamad Alias



Azlan Alias



Saliman Zainal



Mohamad Thuairi Mohamad Tayeb



Dato' Mustafha Abd Razak

## JAWATANKUASA AUDIT DALAM



Nazaruddin Zainal Abidin  
Pengerusi

Mohamad Sabri Mohamed Nor

Ismarazi Ismail

## JAWATANKUASA SYARIAH



Ustadz Mohd Mawerdi Sairi  
Pengerusi

Dr. Mohd Aizam Mas'od

Dr. Ahmad Zainuddin Abdullah

# PENGURUSAN & WARGA KERJA IBU PEJABAT



\* Gambar ini diambil secara berasingan dan disusun secara berkumpulan

- Depan Dari Kiri : Nur Hazwani Hamzah, Mohammad Faizul Md Yunus, Shahifudin Saufi, Mohd Danial Nor Azizan, Marshiela Mahzair, Ahmad Rozaman Mohd Yusoff (Pengurus Besar), Nor Elina Ab Ghani (Pengurus), Nur Aqilah Aziz, Mohd Hafiz Bukhari, Noor Amirah Ja'afar, Nurulhazmira Azmi, Ahmad Fu'ad Kamarulzaman.
- Tengah Dari Kiri : Norshadiana Suwardi, Nurul Azalina Zulkifli, Nurul Ain Halim, Nur Syahirah Hussain, Nurul Liana Afikah Abdul Rahim, Farah Izzati Mhd Nasir, Fatin Nabilah Ramli, Nurul Azreen Zaini, Farah Athirah Shamdin, Saidatul Ain Abd Talib, Nornazeha Salihen.
- Belakang Dari Kiri : Muhamad Aqil Asyraf Mohd Azmin, Che Faizlullah Che Mezam, Muhammad Firdaus Md Nasir, Ahmad Izwan Ahmad Fuad, Mohd Shahrulizan Supardi, Muhammad Haziq Hafuza Sufian, Muhammad Khairul Azhar Mohd Azmi, Muhamad Al Hafiz Mohamad Nor, Muhamad Sufri Anuar.

**AR RAHNU X'CHANGE JALAN OTHMAN**

\* Gambar ini diambil secara berasingan dan disusun secara berkumpulan

- Dari Kiri : Muhamamad Fakrur Razi Shahrudin, Nurul Syakila Yahya, Khairunnisa Zulkifle, Afif Safwan Mohd Sayuti

**AR RAHNU X'CHANGE SUNGAI BESI**

\* Gambar ini diambil secara berasingan dan disusun secara berkumpulan

- Dari Kiri : Khairul Imran Abdul Razak, Ahmad Aizuddin Jiss Wira, Rasidah Hussin, Nuruljannah Misti

### AR RAHNU X'CHANGE TAMAN SELASEH



\* Gambar ini diambil secara berasingan dan disusun secara berkumpulan

- Dari Kiri : Syeikh Syamsul Daniel Shaik Nawawi, Nor Azlan Ismail, Aisamuddin Mohd Isa, Nur Aina Sahira Ruslan

### AR RAHNU X'CHANGE HULU LANGAT



\* Gambar ini diambil secara berasingan dan disusun secara berkumpulan

- Dari Kiri : Mohamad Asri Jefriddin Mohamad Anuar, Muhammad Azzamudien Mat Nazan, Muhammad Najmuddin Aidi Rosman, Muhammad Amin Ibrahim

**AR RAHNU X'CHANGE BANDAR KINRARA**

\* Gambar ini diambil secara berasingan dan disusun secara berkumpulan

- Dari Kiri : Muhamad Nukman Mahmud, Amir Syafiq Nazri, Nurhazwani Mohd Rofi

**AR RAHNU X'CHANGE SEREMBAN 2**

\* Gambar ini diambil secara berasingan dan disusun secara berkumpulan

- Dari Kiri : Noor Haslinda Jusoh, Suriani Zainal, Mohammad Amirul Haizal, Nursyafiqah Saiful

### AR RAHNU X'CHANGE KOTA KEMUNING



\* Gambar ini diambil secara berasingan dan disusun secara berkumpulan

- Dari Kiri : Muhammad Safuan Shamsuddin, Ahmad Farid Othman, Muhammad Hazreen Akhiruddin, Nurul Adleen Abdul Halim

### AR RAHNU X'CHANGE DENGKIL



\* Gambar ini diambil secara berasingan dan disusun secara berkumpulan

- Dari Kiri : Noor Azira Aliasan, Siti Nur Syazleen Shamshul Nizam, Muhammad Thaqif Nazly, Ahmad Azrulnaim Al Nur Amran

**AR-RAHNU X'CHANGE PASAR BORONG**

\* Gambar ini diambil secara berasingan dan disusun secara berkumpulan

- Dari Kiri : Nurul Ashikin Muhamad, Muhammad Amir 'Izzat Rosli, Mohd Rozaidi Mohd Ali, Nur Nabila Aima Mohd Rodzi

**AR-RAHNU X'CHANGE AMPANG**

\* Gambar ini diambil secara berasingan dan disusun secara berkumpulan

- Dari Kiri : Nur Syafiqah Mohd Zainuddin, Mohamad Shakim Shaari, Mohd Asri Mahazir

### AR-RAHNU X'CHANGE PORT KLANG



\* Gambar ini diambil secara berasingan dan disusun secara berkumpulan

- Dari Kiri : Muhammad Nazry Kamarudin, Muhammad Syafiq Norazman, Siti Azizah Bunasan

### KAFETERIA JALAN TANGSI



- Depan Dari Kiri : Nabilah Nisman, Norliza Shaharuddin, Nor Ainn Zainal Abidin, Linasari Bandaro
- Belakang Dari Kiri : Umi Astutik Afandi, Mohd Hafiz Mohd Junaidishah, Maya Munijo, Othman Desa, Marsiah Mastuki

**MEDAN SELERA MENARA KEMBAR BANK RAKYAT**

- Depan Dari Kiri : Rohayati Ojang, Nur Nadhirah Zulkifli (Penyelia), Imas Ojang
- Belakang Dari Kiri : Muhammad Faris Ahmad, Ernawati Abdullah, Faridah Mansor, Musrifah Mostar, Rugayyah Hannan

**KEDAI SERBANEKA MENARA KEMBAR BANK RAKYAT**

- Dari Kiri : Nur Hafiszah Zainal Abidin, Nur Aqilah Aziz (Eksekutif), Nur Nadhirah Zulkifli (Penyelia), Siti Salmah Taib

### SEKATA APARTMENT



\* Gambar ini diambil secara berasingan dan disusun secara berkumpulan

- Depan Dari Kiri : Ahmad Sharieffuddin Ahmad Damahuri, Muhammad Ridzuan Abdul Latif (Penyelia), Faiezul Idris
- Belakang Dari Kiri : Mariayee Kumaran, Zulfadli Abdullah, Vijayakumari Kandasamy

### TASKA NURI



\* Gambar ini diambil secara berasingan dan disusun secara berkumpulan

- Depan Dari Kiri : Nik Farah Iliani Nik Ismail, Nurfarahi Hazali, Norazfira Kasmury, Karimah Ali (Eksekutif Taska), Nurul Safiah Adibah Suhaimi (Penyelia), Siti Rosliza Mukhtar, Nuramirah Mohd Asnawi, Nur Hafizah Mahyudeen
- Belakang Dari Kiri : Syazwani Hamdan, Sariah Bakar, Nor Afiera Abd Aziz, Nurul Ainatul Najmin Muhamad, Nurul Nazmi Mohd Kahar, Nur Aliah Md Sariff, Azizah Aziz, Nor Amirah Noor, Nur Hazmiera Abu Samat



**PROJEK  
TAHUN 2020**

## PROJEK TAHUN 2020

Walaupun berdepan dengan ancaman wabak Covid-19, Sekitarakyat mampu untuk menyiapkan beberapa projek yang telah dicadangkan dengan jayanya.


### ➤ TAMAN SAUJANA SEKATA, DENGKIL

- Taman Saujana Sekata mempunyai 107 unit rumah teres 2 tingkat.
- Kerja-kerja pembinaan telah dijalankan pada awal Disember 2017 dan sehingga 31 Disember 2020, kesemua unit rumah teres telah habis dijual dan penyerahan kunci telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.



➤ **PANGSAPURI SEKATA SELANGORKU , DENGKIL**


- Pangsapuri Sekata Selangorku mempunyai 47 unit apartment mampu milik.
- Sehingga 31 Disember 2020, kerja-kerja pembinaan telah siap sepenuhnya .



➤ SEKATA CLUBHOUSE, RINGLET CAMERON HIGHLANDS, PAHANG



- LAKARAN ILUSTRASI GRAFIK KOLAM RENANG, SEKATA CLUBHOUSE,  
RINGLET CAMERON HIGHLANDS, PAHANG



- KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN KOLAM RENANG, SEKATA CLUBHOUSE, RINGET,  
CAMERON HIGHLANDS



**AKTIVITI  
SEPANJANG  
TAHUN 2020**

## KALENDAR AKTIVITI / MAJLIS SEPANJANG TAHUN 2020

Pelbagai aktiviti dan majlis yang telah dirancang sepanjang tahun 2020 yang terdiri daripada tradisi tahunan atau kebertanggungjawaban kepada masyarakat namun tidak dapat dijalankan ekoran wabak Pandemik Covid-19.

Antara aktiviti dan majlis sepanjang tahun 2020 yang dijalankan oleh Sekatarakyat adalah seperti butiran yang berikut :-

1. Sesi Percambahan Minda 2020 (10 – 12 Januari 2020)  
*\*\* Hanya melibatkan barisan Lembaga Pengarah & Pengurusan*
2. Mesyuarat Agung Perwakilan 2020, Ke-24 (7 Mac 2020)
3. Majlis Penyerahan Zakat kepada Asnaf 2020 (8 Disember 2020)

Antara aktiviti dan majlis sepanjang tahun 2020 yang tidak dapat dijalankan oleh Sekatarakyat ekoran Pandemik Covid-19 adalah seperti butiran yang berikut :-

1. Perjumpaan Anggota Bersara
2. Jamuan Hari Raya
3. Acara Mencari Harta Karun (Treasure Hunt) Antara Koperasi
4. Majlis Bacaan Yassin & Tahlil Bulanan
5. Hari Keluarga
6. Team Building
7. Majlis Makan Malam

Berbekalkan pengalaman dan kemahiran yang tinggi daripada semua pihak, barisan Lembaga Pengarah dan Pengurusan telah merancang pelbagai aktiviti dan majlis lebih menarik untuk diadakan tahun 2021. Sekatarakyat berharap pelbagai pihak terutamanya anggota-anggota dapat memberikan sokongan bagi menjayakan aktiviti yang dirangka demi faedah bersama.

**2020**

MESYUARAT AGUNG  
PERWAKILAN KE-25

**SESI PERCAMBAHAN MINDA 2020**  
**10 – 12 JANUARI 2020**



## MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN SEKATARAKYAT KE-24

7 MAC 2020

- Dirasmikan oleh En. Nor Haimee Zakaria, Ketua Pegawai Kewangan Bank Rakyat.






MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT KEPADA ASNAF KARIAH  
MASJID AL RIDHUAN, HULU KELANG  
8 DISEMBER 2020



MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH DAN MESYUARAT LAIN MELALUI SKYPE  
SE PANJANG TAHUN 2020



KAKITANGAN YANG SEDANG BERTUGAS SEPANJANG  
PANDEMIK COVID-19



## PROGRAM YANG TIDAK DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2020 (EKORAN PANDEMIK COVID-19)

Pada tahun 2020, Sekitarakyat tidak dapat menjalankan beberapa program dan majlis yang dirancang sepanjang tahun 2020 seperti yang berikut :

- 01 Perjumpaan Anggota Bersara
- 02 Jamuan Hari Raya
- 03 Acara Mencari Harta Karun (Treasure Hunt) Antara Koperasi
- 04 Majlis Bacaan Yassin & Tahlil Bulanan
- 05 Hari Keluarga
- 06 Team Building
- 07 Majlis Makan Malam





# LAPORAN PENCAPAIAN

## LAPORAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2020

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar akibat penularan Pandemik Covid-19 yang melanda di seluruh dunia. Susulan daripada itu, pihak Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa mulai 18 Mac 2020 bagi memutuskan rantaian seterusnya membendung penularan wabak berkenaan. Sekatarakyat tidak terlepas menerima kesan akibat penularan wabak ini. Sekatarakyat memberi fokus untuk mengekalkan prestasi daripada perniagaan-perniagaan sedia ada dan perniagaan baharu. Hal ini adalah untuk menjamin kestabilan dan kelestarian Sekatarakyat untuk kekal berdaya maju dalam sektor koperasi. Sekatarakyat juga memberi tumpuan terhadap penjanaan pendapatan agar dapat menyediakan perkhidmatan yang terbaik di samping memberi pulangan seiring dengan matlamat iaitu "Meningkatkan Kepentingan Ekonomi Anggotanya Mengikut Prinsip Koperasi".

### SELAYANG PANDANG

Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad atau dahulunya dikenali sebagai Syarikat Kerjasama Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat) telah ditubuhkan dan mula beroperasi pada 23 September 1974. Bangunan Bank Rakyat Jalan Tangsi merupakan lokasi pertama operasi Sekatarakyat dijalankan dengan hanya tiga (3) orang warga kerja sahaja ketika itu. Sehingga 31 Disember 2020, Sekatarakyat mempunyai seramai 120 orang warga kerja dan operasinya terletak di Menara Berkembar Bank Rakyat Jalan Rakyat, KL Sentral, Kuala Lumpur.

Antara aktiviti perniagaan yang terawal dijalankan di Sekatarakyat adalah aktiviti perniagaan kredit iaitu menawarkan pembiayaan khusus buat anggota Sekatarakyat. Sekatarakyat terus mengembangkan lagi cabang perniagaan dengan menjadi ejen insuran kepada syarikat-syarikat takaful dan mengendalikan takaful kepada peminjam-peminjam Bank Rakyat pada awal tahun 90an sehingga ke tahun 2000. Pada waktu itu juga,

pinjaman secara konvensional telah ditukarkan kepada pembiayaan berbentuk syariah serta mula menggunakan sistem komputer bersepudu bagi menjalankan tugas-tugas sehari-hari.

Bagi terus menjamin kelangsungan dan kestabilan perniagaan, Sekatarakyat menambahkan lagi pendapatan dengan mengorak langkah menceburi bidang-bidang perniagaan seperti menawarkan khidmat pembersihan di cawangan-cawangan Bank Rakyat, pembelian aset seperti bangunan untuk disewakan, menguruskan operasi harian Kafeteria yang bertempat di Bangunan Bank Rakyat, Jalan Tangsi dan Medan Selera Menara Kembar Bank Rakyat, Jalan Rakyat serta menyertai perniagaan Ar-Rahnu di bawah francais Ar-Rahnu X'Change. Sehingga akhir tahun 2020, Sekatarakyat mempunyai sebelas (11) buah kedai Ar-Rahnu X'Change di Jalan Othman, Sungai Besi, Taman Selaseh, Hulu Langat, Bandar Kinrara, Seremban II, Kota Kemuning, Dengkil, Port Klang, Ampang Triangle dan Pasar Borong.

Demi mencapai kejayaan dan kemajuan yang berterusan, Sekatarakyat mengambil peluang yang ada dengan menceburi bidang perniagaan Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) pada 4 Januari 2016 dengan mendapat sokongan pihak Bank Rakyat sepenuhnya. Sehingga 31 Disember 2020, seramai 86 orang kanak-kanak diasuh di Taska Qaseh Nuri. Sekatarakyat juga melebarkan sayap perniagaan melalui inisiatif bekerjasama dengan pihak Pembinaan Tetap Teguh Sdn Bhd, sebuah syarikat hartanah terkemuka dengan membina 19 buah banglo (Sekata Vista) dan 107 unit rumah teres dua tingkat dan 47 unit apartment mampu milik (Sekata Villa), kedua-duanya di Mukim Dengkil, Selangor. Sekatarakyat juga menjalankan perniagaan sewaan Apartment yang dikenali sebagai Sekata Apartment bertempat di Ringlet, Cameron Highlands. Perniagaan ini mula beroperasi pada 16 Ogos 2017. Sekatarakyat telah mengembangkan lagi perniagaan dengan membeli sebuah 'clubhouse' berdekatan dengan Sekata Apartment bagi meluaskan lagi bidang perniagaan Sekatarakyat yang dijangka akan memulakan perniagaan pada pertengahan tahun 2021.

Sebagai langkah bagi terus mengecap kemajuan, penambahbaikan berterusan tetap dilaksanakan dan dipantau bagi memantapkan operasi harian perniagaan. Sekatarakyat dilaksanakan dan dipantau menceburidalam bidang perniagaan baru bagi mencapai objektif dan wawasan untuk terus maju, relevan dan menambahkan hasil pendapatan. Ini secara tidak langsung dapat meraih pendapatan yang maksima dan mengekalkan kelestarian Sekatarakyat.

## PRESTASI KEWANGAN SEKATARAKYAT

Kemunculan dan penularan wabak Coronavirus-19 (COVID-19) pada awal tahun 2020 telah mempengaruhi aktiviti perniagaan dan ekonomi di Malaysia. Selaras dengan permasalahan tersebut, Sekatarakyat akan terus memantau perkembangan situasi COVID-19 dengan teliti, menilai dan bertindak balas secara aktif terhadap kesannya kepada kedudukan kewangan dan hasil operasi Sekatarakyat.

Walaubagaimanapun, jika diukur dari segi bayaran dividen kepada anggota, prestasi sebenar bagi tahun 2020 telah mengatasi sasaran minimum sebanyak 3% dan tidak mencapai Ramalan iaitu Belanjawan 2020 sebanyak 3.6%.

Jadual di bawah menunjukkan ringkasan pencapaian Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 berbanding empat (4) tahun sebelumnya seperti yang berikut:

PERKARA/TAHUN	2016	2017	2018	2019	2020
	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000
Pendapatan	49.85	49.26	55.75	61.7	60.41
Kos Jualan	16.16	19.28	24.61	26.85	26.32
Keuntungan Kasar	33.49	29.98	31.14	34.84	34.09
Perbelanjaan Am	11.84	9.31	8.91	10.3	12.22
Gaji dan perbelanjaan Kakitangan	3.18	4.3	4.37	4.91	6.17
<b>Keuntungan Bersih dipindahkan ke Akaun</b>	<b>18.68</b>	<b>16.37</b>	<b>17.86</b>	<b>19.63</b>	<b>15.73</b>

## MANFAAT KEPADA ANGGOTA

Tahun 2020 menunjukkan agihan manfaat tertinggi kepada anggotanya berbanding empat (4) tahun sebelumnya. Ini dapat ditunjukkan melalui jadual seperti yang berikut :

TAHUN	2016	2017	2018	2019	2020
	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000
Keuntungan sebelum Cukai (dipelaras)*	21.58	19.32	20.71	23.17	19.88
Tabung Khairat Anggota	0.28	0.26	0.28	0.31	0.27
Tabung Saguhati Pendidikan Lanjutran	2.33	2.29	2.27	2.18	2.15
Peruntukan Hari Raya	0.44	0.48	0.52	0.51	0.80
Ibra'	2.90	2.95	2.85	3.54	3.63
Peruntukan Dividen Tunai	13.03	9.86	13.32	15.02	11.86
<b>Jumlah Peruntukan kepada Anggota</b>	<b>19.00</b>	<b>15.84</b>	<b>19.24</b>	<b>21.58</b>	<b>18.72</b>
<b>Peratusan Jumlah Peruntukan kepada Anggota</b>	<b>88%</b>	<b>82%</b>	<b>93%</b>	<b>93%</b>	<b>94%</b>

\*IBRA' dicampur balik kepada keuntungan sebelum cukai

## KEANGGOTAAN

Jumlah bilangan anggota bertambah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 iaitu seramai 5,626 orang berbanding 5,367 orang anggota pada tahun 2019. Modal yuran dan syer koperasi juga meningkat sebanyak 9.0% dari RM 113.9 juta bagi tahun 2019 kepada RM 126.11 juta tahun 2020. Ini jelas menunjukkan sokongan dan kepercayaan yang berterusan daripada semua anggota koperasi secara khususnya.

PERKARA	2020	2019	Meningkat/ (Menurun)	%
	RM juta	RM juta	RM juta	Meningkat/ (Menurun)
Modal Yuran	125.0	112.7	12.3	11.0
Modal Syer	1.11	1.26	[0.15]	12.0
<b>Jumlah</b>	<b>126.11</b>	<b>113.9</b>	<b>12.21</b>	<b>11.0</b>

## ASET

Jumlah aset keseluruhan koperasi merekodkan kenaikan sebanyak 4% iaitu daripada RM588.5 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 kepada RM614.9 juta bagi tahun 2020 yang meliputi Aset Semasa dan Aset Bukan Semasa termasuk Hartanah, Loji dan Peralatan.

PERKARA/TAHUN	2016	2017	2018	2019	2020
	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000	RM'000,000
Pembiayaan Anggota	241.9	264.2	302.4	354.3	349.1
Pembiayaan Ar-Rahnu	61.0	70.0	67.5	84.1	163.4
Aset Tetap	79.4	100.6	135.2	150.1	102.4
<b>Jumlah</b>	<b>328.3</b>	<b>434.8</b>	<b>505.1</b>	<b>588.5</b>	<b>614.9</b>

Sehingga tahun 2020, antara aset milikan Sektarakyat meliputi :

- a. Wisma Sektarakyat di Kelana Jaya, Selangor
- b. Bangunan pejabat di Melawati Square, Kuala Lumpur
- c. Rumah Kedai di Jitra, Kedah
- d. 3 Lot banglo Sekata Vista di Dengkil, Selangor
- e. Rumah Kedai Space U8 di Bukit Jelutong, Shah Alam
- f. Bangunan pejabat di Jalan Kg. Attap, Kuala Lumpur dan
- g. Sekata Apartment @ The Camelia Orchid Deluxe Park, Cameron Highlands, Pahang

## TADBIR URUS SEKATARAKYAT

Tadbir urus korporat ditakrifkan sebagai proses dan struktur yang digunakan untuk mengarah dan menguruskan perniagaan dan hal ehwal sesebuah syarikat bagi meningkatkan keuntungan perniagaan dan kebertanggungjawaban korporat dengan tujuan utama untuk mencapai nilai jangka panjang pemegang saham tanpa mengeneptikan kepentingan pihak berkepentingan lain – Takrifan Tadbir Urus dalam Laporan Jawatankuasa Peringkat Tinggi Kewangan (1999).

Dalam konteks Sekatarakyat, tadbir urus korporat memperuntukkan satu rangka kerja mekanisma kawalan yang menyokong matlamat penubuhannya dan mencegah konflik yang tidak diingini. Tingkah laku beretika, kebertanggungjawaban, ketelusan dan kemampunan merupakan unsur-unsur tadbir urus korporat yang penting dalam pentadbiran dan pengurusan Sekatarakyat. Sekatarakyat mengamalkan prinsip-prinsip ini untuk menghasilkan nilai jangka panjang khususnya kepada anggota-anggotanya. Kepentingan tadbir urus bagi Sekatarakyat amatlah penting untuk merealisasikan sasaran yang ditetapkan.

Bagi mencapai sasaran tersebut, pelbagai usaha-usaha telah digerakkan seperti :-

1. Penyediaan Laporan Prestasi Bulanan.
2. Mesyuarat Portfolio Ahli Lembaga Pengarah
3. Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah  
*\*\* termasuk pembentangan Belanjawan Tahunan / Exit Meeting bersama Juruaudit Luar / pembentangan Juruaudit Dalaman*
4. Mesyuarat Khusus Lembaga Pengarah  
*\*\* seperti pengurusan strategik / pelan pengantian / Budgetary Control / Kaedah Pengurusan Wang Tunai*
5. Latihan / Kursus / Seminar / Program bagi Lembaga Pengarah & warga kerja
6. Pembangunan Polisi Integriti Sekatarakyat untuk kegunaan pihak-pihak seperti :-
  - a) Anggota-Anggota
  - b) Ahli Lembaga Pengarah
  - c) Jawatankuasa Audit Dalaman
  - d) Jawatankuasa Syariah
  - e) Jawatankuasa-Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah
  - f) Warga Kerja
  - g) Pihak-Pihak Berkepentingan secara langsung atau tidak langsung dengan Sekatarakyat

## AKTIVITI PERNIAGAAN SEKATARAKYAT

Jumlah pendapatan yang diperolehi oleh Sekatarakyat pada tahun 2020 adalah sebanyak **RM60.4juta** berbanding **RM61.7juta** pada tahun sebelumnya. Berikut merupakan aktiviti-aktiviti yang menjadi penyumbang pendapatan kepada koperasi:-

### 1. Pembiayaan kepada Anggota

Aktiviti pembiayaan kepada anggota masih kekal sebagai tunjang nadi kepada perniagaan Sekatarakyat. Terdapat sedikit penurunan dari segi pengeluaran pembiayaan kepada anggota di mana jumlah pembiayaan yang dikeluarkan menurun dari **RM 354 juta** bagi tahun 2019 kepada **RM 349 juta** bagi tahun 2020. Namun begitu, pembiayaan kepada anggota masih mengekalkan kenaikan jumlah pendapatan koperasi sebanyak **RM 33.34 juta** bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 berbanding **RM 32.31juta** pada tahun sebelumnya.

### 2. Perniagaan Ar-Rahnu

Perniagaan Ar-Rahnu merupakan antara inisiatif Sekatarakyat untuk menambahkan pendapatan koperasi. Aktiviti ini merupakan penyumbang kedua terbesar kepada pendapatan koperasi dengan jumlah perolehan sebanyak **RM 14.8 juta** bagi tahun 2020 berbanding **RM 10.7 juta** pada tahun sebelumnya.

Sehingga tahun kini, Sekatarakyat mempunyai 11 cawangan Ar-Rahnu yang bertempat di Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan. Konsep perniagaannya yang berlandaskan syariah telah menarik ramai para penggadai untuk menggadai barang emas mereka dengan kadar upah simpanan 0.7% berbanding dengan 2.0% di pajak gadai konvensional.

### 3. Pengurusan dan Penyewaan Bangunan

i. Pendapatan dari penyewaan bangunan bagi tahun 2020 merangkumi :

#### a) Wisma Sektarakyat di Kelana Jaya, Selangor

- ❖ Wisma Sektarakyat yang dibeli dengan harga kos berjumlah RM 22.6juta mempunyai 9 tingkat beserta 321 petak tempat letak kenderaan. Bagi tahun 2020, nilai semasa bangunan meningkat kepada RM 25.8juta.

#### b) Bangunan Pejabat di Melawati Square, Kuala Lumpur

- ❖ Pembelian bangunan 4 tingkat di Melawati yang menelan kos sebanyak RM2.9juta dan nilai bagi tahun 2020 telah meningkat dua kali ganda menjadikan nilai semasa berjumlah RM5.8juta.

#### c) Bangunan Space U8 di Seksyen U8,Bukit Jelutong, Shah Alam, Selangor

- ❖ Bangunan Space U8 terletak di Bukit Jelutong dengan kos pembelian RM11.25juta bagi 14 unit kedai. Nilai semasa bagi tahun 2020 iaitu RM11.99juta.

**d) Rumah Kedai di Jitra, Kedah**

- ❖ Rumah kedai 2 tingkat ini telah dibeli pada tahun 1992 dengan harga kos berjumlah RM373ribu, dan nilai semasa bangunan meningkat kepada RM750ribu.

**e) Rumah kedai di Jalan Kg. Attap, Off Jalan Sulaiman, Kuala Lumpur**

- ❖ Rumah kedai di Jalan Kg. Attap yang dibeli pada tahun 2016 dengan harga kos RM1.27juta. Nilai semasa rumah kedai tersebut telah meningkat kepada RM2.5juta.

Jumlah pendapatan keseluruhan aktiviti penyewaan adalah sebanyak RM2.13juta.

**ii. Sekata Panacom Sdn Bhd**

Bagi tahun 2020, Sekata Panacom Sdn. Bhd. Telah menghasilkan pendapatan sebanyak RM52,496.00 berbanding tahun 2019 sebanyak RM475,515.00.

**4. Pembersihan Pejabat**

Aktiviti perkhidmatan pembersihan pejabat dengan usahasama kontraktor-kontraktor pembersihan yang terpilih di seluruh Malaysia yang melibatkan perkhidmatan pembersihan Menara 1 dan Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM3.69juta untuk tahun 2020 berbanding RM4.88juta tahun sebelumnya.

**5. Air Mineral Sekatarakyat**

Melalui permintaan yang semakin meningkat, air mineral berlogokan Sekatarakyat telah ditambah baik dari segi rekaan bentuk botol dan dipelbagaikan pilihan kuantiti air iaitu 300 ml, 500 ml dan 1.5 L bagi memenuhi kehendak pelanggan.

**6. Pemasangan Produk Coway**

Kerjasama dengan pihak Woongjin Coway (M) Sdn. Bhd. dalam aktiviti pemasangan produk jenama Coway masih lagi diteruskan dan sehingga kini, sebanyak 175 buah produk Coway telah dipasang.

**7. Skim Belian Plus Sekatarakyat**

Pembentukan Skim Belian Plus ditawarkan kepada anggota untuk membeli barang seperti barang elektrik, barang komputer, telefon pintar, barang kemas 916, pemasangan sistem tenaga solar dan lain-lain barang atas permintaan anggota yang membuat pembentukan.

**8. Penyewaan Tapak Mesin ATM**

Aktiviti penyewaan tapak mesin *Automated Teller Machine* (ATM) yang terdapat di Kedai Ar-Rahnu X'change merupakan satu kemudahan yang telah menarik minat pelanggan untuk datang ke Kedai Ar-Rahnu X'change.

Sehingga tahun 2020, terdapat 4 tapak mesin ATM telah disewa dengan harga sewaan sekitar RM300 hingga RM500 sebulan bagi setiap tapak.

## 9. Sekata Vista

19 unit banglo kediaman hasil usahasama dengan Mainstay Development Sdn Bhd. telah siap sepenuhnya pada Januari 2016. Kesemua unit tersebut telah dijual dan Sekatarakyat memiliki 3 unit banglo. Ketigatiga unit banglo yang berkeluasan binaan 2,705 kaki persegi dan mempunyai 5 bilik serta 6 bilik air tersebut dipasarkan kepada pembeli yang berminat dengan harga RM1,200,000.00 seunit.

## 10. Taman Saujana Sekata

Tanah kediaman yang berkeluasan 493,970 kaki persegi pada harga RM8juta telah dibangunkan menjadi 107 unit rumah teres dua tingkat dan 47 unit apartment mampu milik. Sehingga Disember 2020, kesemua 107 unit rumah teres telah habis dijual dan penyerahan kunci kepada pembeli telah dilaksanankan secara berperingkat-peringkat.

## 11. Sekata Apartment, @ The Camelia Orchid Deluxe Park, Ringlet Cameron Highlands

Dikenali sebagai Sekata Apartment, rumah penginapan ini disediakan untuk memberi kemudahan kepada Anggota Sekatarakyat, kakitangan Bank Rakyat, wargakerja Sekatarakyat serta disewakan kepada orang awam. Mula beroperasi pada 16 Ogos 2017.

Promosi melalui platform media sosial seperti Facebook, Instagram dan laman web selain hebahan kepada Anggota serta menjalankan tawaran harga diskauan sehingga 50% diberikan sepanjang tahun 2020 ekoran Pandemik Covid-19 . Langkah ini sebagai daya tarikan kepada pelanggan-pelanggan yang hanya dapat bercuti di dalam negara sahaja dan dilihat ia dapat meningkatkan tempahan penginapan di Sekata Apartment.

Tempahan boleh dibuat melalui kaedah yang berikut :

- Laman web : [www.sekataapartment.com.my](http://www.sekataapartment.com.my)
- Online : Booking.com
  - : Agoda
  - : Traveloka
  - : Airbnb
- Walk-in di kaunter Sekata Apartment

## 12. Kafeteria dan Kedai Serbaneka

### a. Kafeteria

Perniagaan jualan makanan dan katering yang bertempat di Menara Kembar Bank Rakyat, Jalan Rakyat dan Bangunan Bank Rakyat di Jalan Tangsi merupakan aktiviti perniagaan hidangan menu harian untuk sarapan pagi, tengah hari dan minum petang selain menerima tempahan katering untuk sebarang majlis keraian atau mesyuarat.

Tahun 2020 merupakan tahun yang memberi cabaran yang besar kepada Kafeteria di Jalan Tangsi di mana bangunan tersebut tidak lagi berpenyewa selain ekoran penularan Pandemik Covid-19. Ini memberikan impak yang besar kepada pendapatan kafeteria. Bagi menangani cabaran tersebut, kafeteria memperkenalkan menu istimewa iaitu Kari Kepala Ikan Jalan Tangsi. Menu istimewa ini merupakan pilihan pelanggan yang berkunjung di Kafeteria Jalan Tangsi.

**b. Kedai Serbaneka**

Perniagaan kedai serbaneka yang beroperasi di Menara Kembar Bank Rakyat, Jalan Rakyat dan Bangunan Bank Rakyat di Jalan Tangsi merupakan aktiviti perniagaan yang membekalkan barang seperti minuman, makanan ringan, penjagaan diri, barang keperluan wanita dan bayi serta lain-lain barang keperluan harian..

**13. Taska Nuri**

Aktiviti perkhidmatan taska yang terletak di Menara Kembar Bank Rakyat merupakan pusat penjagaan kanak-kanak yang sangat mementingkan perkembangan dari segi kesihatan, kecerdasan fizikal, sosioemosi, pertumbuhan jasmani dan rohani kanak-kanak yang seimbang. Perkhidmatan ini merupakan aktiviti kebaikan khususnya kepada anggota-anggota Sekatarakyat dan amnya kepada masyarakat sekitar yang berhampiran.



## KEBAJIKAN ANGGOTA

Setiap tahun kebajikan anggota menjadi keutamaan dalam operasi harian Sekatarakyat. Beberapa kemudahan telah disediakan kepada anggota-anggota Sekatarakyat. Antaranya ialah:

### (a) Tabung Khairat dan Kebajikan

Kemudahan ini diberikan kepada anggota-anggota Sekatarakyat berkuatkuasa mulai 22 Jun 2002. Dalam tahun 2020, sebanyak RM107 ribu telah disumbangkan kepada 206 orang anggota sebagai sumbangan Sekatarakyat atas kehilangan anggota keluarga ataupun bencana yang dihadapi. Walaupun jumlah yang disumbangkan mungkin tidak dapat menggantikan kehilangan yang dialami, namun iaanya diharapkan dapat membantu dalam menghadapi masa-masa yang sukar.

### (b) Tabung Saguhati Pendidikan Lanjutan

Anggota-anggota Sekatarakyat mula menikmati tabung ini sejak 1 Januari 2003. Sepanjang tahun 2020, sebanyak RM32 ribu telah disumbang kepada 64 orang anggota atas kejayaan anak-anak anggota dalam pelajaran. Ianya diharapkan akan menjadi pendorong kepada mereka supaya meneruskan usaha dalam mencapai kejayaan yang lebih cemerlang di masa hadapan.

### (c) Takaful Kenderaan

Sekatarakyat masih lagi meneruskan perniagaan takaful kenderaan. Potongan sebanyak 5% juga akan diberikan kepada semua pelanggan yang membuat bayaran secara tunai. Perkhidmatan yang cepat dan cekap menjadi salah satu faktor yang menarik ramai anggota menggunakan perkhidmatan Sekatarakyat. Selain itu, Sekatarakyat juga menyediakan pembiayaan dengan kaedah bayaran balik melalui potongan gaji khususnya kepada anggota-anggota yang berkelayakan bagi takaful yang tidak melebihi RM2,000.00 setahun.

### (d) Pinjaman Naik Sekolah

Kemudahan Pinjaman Naik Sekolah sebanyak RM500.00 bagi seorang anak dan maksimum yang diberikan adalah sebanyak RM2,000.00 ditawarkan kepada anggota-anggota tanpa mengambil sebarang keuntungan bagi membantu anggota dalam menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak di awal tahun.

### (e) Tahlil Bulanan

Program ini dianjurkan setiap bulan di Surau Al-Barakah, Tingkat 4, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat. Program ini dijalankan dengan kerjasama Surau Al-Barakah dan dimasukkan dalam Kalender Tahunan Bank Rakyat sebagai pemakluman kepada warga kerja Bank Rakyat khususnya anggota-anggota Sekatarakyat. Program ini diadakan bertujuan untuk mengingati anggota, ahli keluarga anggota yang telah kembali ke rahmatullah di samping melahirkan rasa kesyukuran kepada Yang Maha Esa. Majlis dimulakan dengan bacaan Yassin, Tahlil dan solat fardhu Zuhur secara berjemaah. Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya dilaksanakan setiap bulan dengan jayanya dan mendapat sambutan yang sangat baik dari kalangan warga kerja Bank Rakyat di Ibu Pejabat dan jemaah luar yang turut hadir bersama. Sepanjang tahun 2020, program ini hanya dijalankan selama 2 bulan sahaja ekoran wabak pandemik Covid-19.


## SUMBER MANUSIA

Bagi memastikan Sekatarakyat beroperasi dengan cekap dan berkesan, Sekatarakyat digerakkan dengan warga kerja terlatih dan berdedikasi.

Sehingga 31 Disember 2020, Sekatarakyat mempunyai seramai 120 orang warga kerja yang terdiri daripada sepecahan yang berikut :-


PENGURUSAN (orang)	BUKAN PENGURUSAN (orang)
33	87

Pepecahan Jantina warga kerja Sekatarakyat sehingga 31 Disember 2020 adalah seperti yang berikut :-



Pepecahan Umur warga kerja sehingga 31 Disember 2020 adalah seperti yang berikut:-

KATEGORI	UMUR (TAHUN)	BILANGAN(orang)
1	60-69	0
2	50-59	4
3	40-49	8
4	30-39	30
5	20-29	78
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>120</b>



## LATIHAN / KURSUS / SEMINAR / PROGRAM WARGA KERJA

Sebagai sebuah majikan yang bertanggungjawab, setiap warga kerja Sekatarakyat diberikan latihan / kursus / seminar / program untuk mempertingkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sehari-hari.

Perkara ini adalah selaras dengan Polisi Latihan Sekatarakyat yang menetapkan perkara-perkara seperti butiran yang berikut :-

1. Menyediakan peruntukan sekurang-kurangnya 5% daripada gaji pokok untuk tujuan pembangunan latihan;
2. Memastikan setiap warga kerja mengikuti unit masing-masing diberi peluang mengikuti latihan sekurang-kurangnya satu (1) hari latihan atau bersamaan 8 jam waktu bekerja dalam setahun; dan
3. Perancangan keperluan latihan perlulah disediakan berdasarkan kepada konsep "*training needs analysis*" atau Analisis Keperluan Latihan dan keperluan semasa mengikut kompetensi seseorang warga kerja.

Penetapan polisi ini dapat mempertingkatkan motivasi seseorang warga kerja di samping sejajar dengan Prinsip Koperasi Ke-5 iaitu "Pendidikan, Latihan dan Maklumat".

Setiap warga kerja telah mengikuti latihan / kursus / seminar / program yang dijadualkan sepanjang tahun sama ada secara dalaman (in-house) atau secara luaran di Institusi Koperasi Malaysia (IKKM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) atau syarikat-syarikat luar yang berkaitan dengan skop tugas dan fungsian (functional) mengikut unit masing-masing.

Kursus secara dalaman (in-house) yang diatur bersama Y. Bhg. Datuk Mohamed Arsal Sehan (Pengerusi) meliputi butiran seperti yang berikut :-

- a) Pengurusan Strategik
- b) Succession Planning
- c) Kaedah Pengurusan Wang Tunai
- d) Penyediaan Buku MAP  
(Buku 1 dan Buku 2)
- e) Tabung Persaraan Kakitangan Sekatarakyat
- f) Ceramah Bulanan – Subject Matter Expert

Kepatuhan kepada polisi ini akan dinilai melalui penilaian prestasi secara tahunan. Dengan wujudnya polisi ini, Sekatarakyat akan terus bergerak mengikut landasan yang ditetapkan tanpa mengabaikan keperluan anggota-anggotanya dengan melahirkan warga kerja yang terunggu.

## PERANCANGAN MASA HADAPAN

Keutamaan Sekatarakyat sepanjang masa adalah tanggungjawab kepada anggotanya. Selaras dengan objektif Sekatarakyat iaitu meningkatkan ekonomi anggota-anggotanya.

Sesi Percambahan Minda Sekatarakyat tahun 2021 telah membincangkan perancangan Sekatarakyat dalam menjana pendapatan dengan menceburi bidang perniagaan-perniagaan baru tanpa menjelaskan operasi perniagaan-perniagaan sedia ada. Usaha keras dan komitmen yang tinggi oleh semua pihak diperlukan bagi merealisasikan inisiatif ini.

Antara inisiatif-inisiatif yang hendak dibangunkan oleh Sekatarakyat ialah seperti yang berikut:

**01**

Fokus kepada penyewaan bangunan-bangunan sedia ada milik Sekatarakyat.

**02**

Mengkaji projek-projek baru yang telah dikenalpasti dengan lebih terperinci.

**03**

Membuat pelaburan atas projek-projek yang berpotensi

**04**

Mengembangkan perniagaan makanan Kafeteria Sekatarakyat melalui usahasama dengan *foodpanda* dan *grabfood*.

**05**

Mengkaji perniagaan dobi layan diri dan pengurusan rumah rehat.

**06**

Menyediakan pakej ecotourism di Sekata Apartment bagi tujuan meluaskan pasaran.

Melalui daya usaha, semangat dan sokongan padu daripada anggota-anggota, Lembaga Pengarah dan wargakerja Sekatarakyat, tidak mustahil matlamat Sekatarakyat untuk menjadi sebuah koperasi yang lebih kompetitif serta berdaya saing akan dapat dicapai dalam tahun 2021 dan tahun-tahun mendatang di samping dapat memberikan manfaat pulangan kepada anggota khususnya dalam bentuk dividen dan kemudahan-kemudahan yang lain.

SEKATARAKYAT

# TAWARAN PEMBIAYAAN TUNAI

## JENIS PEMBIAYAAN

1. PEMBIAYAAN PERIBADI (PT1,PT2&PT7)
2. PEMBIAYAAN PERIBADI AKAUN 2 (PT11&PT12)
3. PEMBIAYAAN SKIM BELIAN PLUS (SBP&SBP2)
4. PEMBIAYAAN KECEMASAN (PT9)
5. PEMBIAYAAN DEPOSIT HARTANAH (PT10)



## 3 LANGKAH MUDAH



### 1 MOHON ONLINE

<http://sekatarakyat.bankrakyat.com.my/sekata>

### 2 EMELKAN DOKUMEN

Slip Gaji Terkini & Kad Pengenalan

### 3 BUAT PENGESAHAN ONLINE



HUBUNGI KAMI SEGERA :

03-22733314 / 03-22733315 /

03-22733609 / 03-22738710

EMEL :

faiz@sekatarakyat.com.my

haziq@sekatarakyat.com.my

danial@sekatarakyat.com.my



\*Tertakluk pada terma & syarat



**TULUS IKHLAS**



# “Langkah Bijak Memulakan Pelaburan”

## Wafer Emas RMS GOLD

- **Tawaran lengkap memenuhi keperluan.**

- Pemilikan wafer bagi tujuan pelaburan.
- Gadaian di Ar-Rahnu X'Change untuk tunai segera.

- **Patuh Syariah.**

- Peratusan “Spread” yang rendah.
- Jenama yang kukuh.



**Kunjungi Kami:**

**RMS GOLD**

Lobi Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat  
No.33, Jalan Rakyat, KL Sentral  
50470 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2265 7566 / 67 / 68 / 69



RMS GOLD



RMSGOLDPAGE

Francais



Co. No: 25253-P

Kumpulan



Bank Pilihan Anda

**COWAY**

**Amway**

**DGS<sup>®</sup>**  
*Solution*

Your Total Security Solution  
1022806-X



**DGS SOLUTION**



**DGS SOLUTION**



A-3-33, IOI BOULEVARD,  
JALAN KENARI 7, BANDAR  
PUCHONG JAYA 47170  
PUCHONG, SELANGOR  
MALAYSIA

[www.dgss.com.my](http://www.dgss.com.my)

**XOX<sup>TM</sup>**  
MOBILE

**atom美**  
ATOMY

  
**Inchaway<sup>TM</sup>**  
宇威



**Change To A Better Life**

Scan this code & start  
Whatsapp us



# HC DURACLEAN

It's Not Clean Until It's HC Duraclean



## Professional Cleaning Services for Residential & Commercial Facilities



A professional care and cleaning company offering a diverse range of cleaning services from commercial to residential



Experience of operating in 13 states nationwide with various types of clients



Cleaning, Sanitisation & Disinfection Services

**SPECIAL PROMO**  
FOR FIRST TIME CLIENTS



### Primary Service Offerings

#### Cleaning Services



- Residential & commercial carpet, upholstery & drapery cleaning
- Flooring restoration
- External glass & wall cleaning
- Comprehensive initial cleaning
- Compound & landscape maintenance
- Waste disposal

#### Products Rental & Supply



- Jumbo roll tissue & c-fold paper towels
- Auto air freshener dispenser & refill
- Hand soap dispenser & refill
- Industrial hand dryer
- Commercial & industrial sanitiser
- Hygienic sanitary bin
- Air ozoniser

#### Cleaning & Hygiene Products



- Machinery, equipment & disposal material
- Industrial cleaning & janitorial
- Detergent & disinfectant



Carpet & Rug Cleaning



Hard Surface Floor Cleaning



Upholstery Cleaning



Ceiling & Wall



Power Washing



Janitorial & General Cleaning

www.hcduraclean.com.my

**CALL US TO GET YOUR FREE CONSULTATION TODAY**

JOHOR BAHRU TEAM

**07 244 5730**

No. 47, Jalan Aliff 4, Taman Damansara Aliff,  
81200 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia.

KUALA LUMPUR TEAM

**03 4021 6728/29**

Lot 33-1, Tingkat 1, Jalan 65C, Off Jalan Pahang Barat,  
Pekeling Business Centre, 53000 Kuala Lumpur, Malaysia.

SEKATARAKYAT



# KARI KEPALA IKAN JALAN TANGSI

## PAKEJ (4 ORANG)

- Kari Kepala Ikan (mengikut saiz)
- Nasi Putih • Kobis Goreng Mamak
- Sambal Kicap • Air Sirap

## MENU TAMBAHAN

- Burung Puyuh Goreng
- Ayam Kampung Goreng Berempah
- Sotong (Sambal atau Kari)



## HUBUNGI:

- Nur Aqilah (011-23127245)  
Ahmad Izwan (013-6599250)  
Nur Nadhirah (011-23127246)  
Nor Ainn (011-15093472)  
Norliza (018-2631727)



Bangunan Bank Rakyat,  
Jalan Tangsi, Kuala Lumpur



Cafeteria Jalan Tangsi

**PREMIUM**



**SEKATARAKYAT**

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

# **SEKATA**

## *Apartments* RINGLET, CAMERON HIGHLANDS

PREMIUM RM380, KINI RM190/ PER MALAM

STANDARD RM280, KINI RM140/ PER MALAM

**STANDARD**



**Hubungi Kami :**

**05 495 6119**

**[sekataapartment.com.my](http://sekataapartment.com.my) / [sekataapartment@gmail.com](mailto:sekataapartment@gmail.com)**

**TAWARAN DISKAUN 50%**

SEKATARAKYAT

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

**ANDA SIBUK? TIADA MASA UNTUK  
MEMPERBAHARUI TAKAFUL?**

**KAMI MEMUDAHKAN ANDA DAN DAPAT MENJIMATKAN  
MASA, WANG DAN TENAGA ANDA.  
HANYA WHATSAPP SALINAN GERAN @ COVERNOTE.  
KAMI AKAN URUSKAN KESEMUANYA UNTUK ANDA.**



**SILA HUBUNGI KAMI:**  
**03-22733314 / 03-22733315**  
**018-210 3361 (AHMAD FU'AD)**  
**[fuad@sekatarakyat.com.my](mailto:fuad@sekatarakyat.com.my)**  
**019-389 8929 (AQIL)**  
**[aqil@sekatarakyat.com.my](mailto:aqil@sekatarakyat.com.my)**





# **MARKETRON SDN BHD**

## **Experts in Cash Processing Systems**

**Tel : +603-7734 5592**

**Fax : +603-7734 6953**

**Web : [www.marketron.com.my](http://www.marketron.com.my)**

